


Pak Lah sampaikan mesej dunia Islam kepada Bush

BH - 22/7/2004: 11 Perdana

Daripada
MANJA ISMAIL
di Washington



PERTEMUAN Abdullah dan Bush memberi peluang kepada Malaysia menyuarakan pendapat terhadap isu yang menjadi kebimbangan dunia Islam. - Gambar Reuters

SEJURUS selepas Barisan Nasional (BN) diumumkan mencatat kemenangan besar dalam pilihan raya umum pada Mac lalu, Presiden George W Bush dikatakan bertanyakan kepada pegawainya di Rumah Putih: "Bagaimana beliau (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) melakukannya?"

Khairanan seumpama itu terhadap Malaysia di kalangan pemimpin Barat, apa lagi oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) bukanlah sesuatu yang mengejutkan jika tanggapan mereka terhadap negara kecil dan dunia Islam selama ini diambil kira.

Mereka melihat sesuatu perkara itu mengikut kaca mata dan pengalaman sendiri tanpa mengenali dan memahami sepenuhnya keadaan, serta latar belakang orang lain.

Justeru, lawatan singkat Perdana Menteri ke Washington DC Isnin lalu, walaupun lebih berupa kunjungan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan negara Berkecuali (NAM), memberi peluang kepada pentadbiran AS mengenali kepemimpinan baru Malaysia secara peribadi dan mendengar pandangan Kuala Lumpur mengenai isu yang menjadi kebimbangan dunia Islam.

Walaupun mempunyai pendapat berbeza dalam isu tertentu, khususnya Palestin dan Iraq, hakikatnya ialah hubungan Malaysia-AS dalam bidang lain terutama perdagangan, pendidikan dan pertahanan sentiasa erat sejak dulu lagi.

Kepemimpinan kedua-dua negara mungkin berubah dan pendekatan mungkin berbeza, tetapi secara umum, dasar luar yang membabitkan kepentingan masing-masing dalam bidang berkenaan tidak banyak bertukar.

Oleh kerana ini lawatan pertama Abdullah sebagai Perdana Menteri serta Pengerusi OIC dan NAM ke Rumah Putih, tidak hairanlah jika pertemuan yang dijadualkan selama 25 minit itu berlarutan sehingga hampir satu jam.

Menurut pegawai di sini, Perdana Menteri adalah antara pemimpin kerajaan dan ketua Negara yang terakhir melakukan lawatan rasmi ke Rumah Putih sehingga pilihan raya Presiden November.

Turut serta di pihak AS ialah Setiausaha

Negara, Colin Powell; Penasihat Keselamatan Negara, Condoleezza Rice dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Michael Green.

Antara yang hadir bagi pihak Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Besar Malaysia di sini, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

Pegawai yang turut menyertai pertemuan kedua-dua pemimpin itu berkata, mereka berbincang dalam suasana mesra dan membina. Malah, selepas masa 25 minit yang diperuntukkan cukup, Bush dikatakan meminta Abdullah bertanya dan menyuarakan lagi sebarang pandangannya.

Bagaimanapun, katanya, yang paling penting dalam lawatan singkat itu ialah Perdana Menteri selaku Pengerusi OIC dan NAM dapat menyampaikan pandangan dan kebimbangan dunia Islam, khususnya mengenai isu Palestin dan Iraq.

"Memang dalam beberapa perkara, kita

mempunyai perbezaan pandangan dan kita juga tidak boleh mengharapkan AS menerima semua pandangan yang diberikan. Bagaimanapun, sekurang-kurangnya kita sudah menyatakan pendirian dan mereka mendengar.

"Apabila Perdana Menteri memberitahu Bush bahawa tanggapan dunia Islam ialah AS menyebelahi Israel, Bush menafikannya. Sebaliknya beliau memberi jaminan secara rasmi dan peribadi, untuk memastikan pelan damai Palestin-Israel menjadi kenyataan," kata pegawai itu.

Bush juga tertarik dengan saranan Perdana Menteri supaya program pembinaan keupayaan dipertingkatkan di negara sub-Sahara dan Iraq sebagai senjata untuk menangani keganasan.

Konsep pembinaan keupayaan yang menggalakkan rakyat berdikari dengan memberikan mereka pendidikan, latihan kemahiran dan kegiatan ekonomi membantu mengatasi kemiskinan, sekali gus

membendung pegganas daripada mempengaruhi rakyat menyokong mereka. Kaedah hampir serupa ternyata berjaya membendung pengaruh komunis di Malaysia satu ketika dulu.

Dari segi hubungan dua hala, tiada perkara khusus dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin, kecuali dalam bidang pendidikan di mana Bush memberi jaminan akan memastikan 7,000 pelajar Malaysia di seluruh AS sekarang diberi layanan baik.

Ghazzali pula menyifatkan lawatan singkat Perdana Menteri itu bukan saja memberikan kesan positif, malah membuka era baru ke arah hubungan masa depan Malaysia-AS.

"Kita kini mempunyai asas ke arah hubungan dua hala yang lebih kukuh. Kedua-dua negara mempunyai pemahaman yang lebih baik terhadap dasar masing-masing, terutama selepas perubahan kepemimpinan di Malaysia," katanya.